

31/07/2002

Rombongan Botswana pertama tiba di Langkawi

MENTERI Kewangan dan Pembangunan Perancangan Botswana, Baledzi Gaolathe tiba di Langkawi, semalam untuk menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002).

Beliau dan rombongan adalah antara ketua negara dan kerajaan yang pertama tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Matsirat di sini kira-kira jam 9.25 pagi semalam untuk menghadiri dialog empat hari bermula Khamis ini.

Antara ketua negara dan kerajaan yang dijadual tiba esok ialah Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili; Perdana Menteri Mauritius, Aneerood Jugnauth; Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma; Naib Presiden Seychelles, James Alix Michel dan Timbalan Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma.

Presiden Paul Kagame dari Rwanda, dan Presiden Sudan Omar Hasssan Ahmad Al-Bashir. Presiden Zimbabwe Robert Mugabe pula dijangka tiba Khamis ini.

Lebih 400 peserta dari 56 negara dijangka menghadiri dialog berkenaan yang buat pertama kali diadakan dalam sebuah khemah khas yang dibina di Pelangi Beach Resort di sini.

LID-Global 2002 bermula Khamis ini dengan jamuan malam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat sebelum dialog berlangsung di pusat peranginan itu, mulai Jumaat.

Sementara itu, mengikut Jabatan Kaji Cuaca Wilayah Utara di Pulau Pinang, cuaca di Langkawi untuk esok dan Khamis diramal mendung dan hujan.

Bagaimanapun, cuaca di Langkawi diramal cerah mulai Jumaat ini walaupun kini mengalami hujan sekejap-sekejap tetapi kadang kala lebat sejak empat hari lalu.